

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 3 Ogos 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 23/2026

YBhg. Prof. Dr. Yazrina binti Yahya
Pengarah
Pusat PERMATA@Pintar Negara
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof.,

PENGESAHAN MAKLUMAT KEPERLUAN PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR PROGRAM ASASIPintar SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2026/2027

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan bahawa minggu peperiksaan Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 akan diadakan mulai **16 hingga 22 November 2026**. Pengendalian peperiksaan akhir ini mengikut panduan pengurusan peperiksaan prasiswazah yang telah diberi pengiktirafan ISO 9001:2015.

3. Sehubungan itu, dimohon jasa baik YBhg. Prof. mendapatkan kerjasama pensyarah-pensyarah terlibat supaya membuat **Pengesahan Maklumat Keperluan Peperiksaan** melalui **SMPWeb** (<https://www.ukm.my/smpweb>).

4. Garis panduan untuk mengisi **Maklumat Keperluan Peperiksaan** adalah seperti berikut:-

- i) Urusan pengesahan borang maklumat keperluan Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 boleh dibuat mulai **17 hingga 23 Ogos 2026**.
- ii) Penyelaras kursus diminta memasukkan maklumat keperluan peperiksaan ke dalam **SMPWeb**. **Untuk makluman, jumlah soalan maksimum yang dibenarkan untuk borang OMR adalah 125 Soalan SAHAJA.**
- iii) Penyelaras kursus diminta menyelaraskan tempoh masa peperiksaan kepada tempoh masa berikut bagi memudahkan penjadualan peperiksaan:
 - a. 1 jam
 - b. 1 jam 30 minit
 - c. 2 jam

...2/-



- d. 2 jam 30 minit
 - e. 3 jam
- iv) Pensyarah set lain atau ahli kumpulan pengajar lain juga diminta membuat semakan kepada borang tersebut tetapi tidak boleh membuat sebarang pindaan. Jika terdapat pindaan yang ingin dilakukan, maka pensyarah tersebut perlu memaklumkan kepada penyelarass kursus.
 - v) Sekiranya nama pensyarah tidak terdapat pada set tersebut, sila maklum kepada Ketua Penolong Pendaftar, Pusat PERMATA@Pintar Negara.
 - vi) Pihak Pusat PERMATA@Pintar Negara juga diminta membuat pemantauan urusan pengesahan maklumat keperluan peperiksaan ini.
5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Prof. boleh berhubung:
- (i) **Unit Peperiksaan dan Pengijazahan** menerusi e-mel: peperiksaanpra.akad@ukm.edu.my
 - (ii) **Urusan Teknikal** menerusi e-mel smpweb@ptm.ukm.my

Segala perhatian dan kerjasama pihak Pusat PERMATA@Pintar Negara bagi memastikan urusan peperiksaan akhir ini berjalan dengan lancar adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Ketua Program ASASipintar
Pusat PERMATA@Pintar Negara

...3/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

- Penyelaras Akademik ASASlpintar
Pusat PERMATA@Pintar Negara
- Ketua Penolong Pendaftar
Pusat PERMATA@Pintar Negara

-3-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik